

Elak terjebak sindiket dadah

Najib ingatkan wanita Malaysia tidak terperangkap janji manis orang baru dikenali

B.H 13/06/08 MS 3

Daripada Salina Abdullah

LONDON: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengingatkan wanita Malaysia supaya tidak mudah terpengaruh atau terpedaya dengan janji manis pihak yang baru dikenali bagi mengelak diperalat sindiket penyeludupan dadah.

Kesal dengan perkembangan ketika ini yang memperlihatkan ramai wanita Malaysia ditahan di luar negara kerana terbabit dalam kegiatan penyeludupan dadah, beliau berkata, mereka harus sedar hukuman membawa dadah amat berat.

"Walaupun mungkin bukan hukuman mati, penjara seumur hidup, malah penjara 15 atau 25 tahun sekali pun sudah cukup berat.

"Ia berlaku kerana wanita kita mudah terpengaruh. Mereka menjadi mangsa kepada permainan begitu halus, termasuk janji manis pihak yang merapatkan diri dengan wanita ini supaya melakukan sesuatu yang mereka tidak fikir membawa mudarat.

"Pihak ini nampak ikhlas tetapi sebenarnya ada udang di sebalik batu. Perkara ini harus menjadi pengajaran kepada wanita lain supaya tidak mudah terpedaya atau terpengaruh," katanya kepada media Malaysia sejurus tamat lawatan kerja empat hari ke London, Rabu lalu.

Beliau berkata, biasanya wanita terbabit diumpun dengan pembiayaan cuti ke luar negara dan wang sugu hati.

Terdahulu, Najib yang juga Menteri Pertahanan ketika sesi soal jawab selepas berucap di hadapan kumpulan pemikir dasar luar Britain serta diplomat asing di Chatham House, di sini, berkata kerajaan memandang serius isu pembabit wanita Malaysia dalam sindiket penyeludupan dadah antarabangsa.

Beliau menyentuh perkara itu ketika ditanya peserta mengenai keadaan di penjara dan sistem penahanan pesalah di Malaysia.

Katanya, Malaysia memperuntukkan sumber bagi menambah baik sistem penjara dan penahanan pesalah, selain keadaan fizikal di penjara.

Berita Harian sebelum ini melaporkan seorang lagi wanita Malaysia ditahan kerana cuba membawa masuk bahan larangan itu dari sebuah negara lain ke Sepanyol, 29 Mac lalu. Wanita keturunan India berusia 20-an itu kini ditahan di Penjara Soto Del Real, Madrid, dikatakan diperalat sindiket dadah antarabangsa, yang memaksanya menelan 100 kapsul dipercayai mengandungi dadah jenis kokain untuk diseludup ke negara itu.

Mangsa dikatakan ke Sepanyol awal tahun ini selepas menerima tawaran seorang lelaki warga Afrika dikenali sebagai Tony yang menawarkan sebagai pengasuh di Eropah. Mangsa bagaimanapun dikatakan dipaksa anggota sindiket berkenaan menjadi penghantar dadah selepas dua bulan berada di ne-



SELAMAT BERTUGAS: Najib bersalaman dengan Mejar Norhisham Kamal selepas menyampaikan penghargaan kepada anggota Rejimen Askar Melayu Diraja pada istiadat pertukaran pengawal di Buckingham Palace, London, kelmarin.

gara itu.

Difahamkan, beberapa lagi wanita Malaysia turut ditahan di Penjara Soto Del Real, termasuk wanita berusia 24 tahun berasal dari Klang, Selangor yang ditahan pihak berkuasa Sepanyol sejak 21 Mac lalu kerana cuba menyeludup kokain dari Brazil.

Mangsa lain dipercayai diperdaya sindiket sama ialah Dayang Sakienah Mat Lazin, 20, dari Bukit Payong, Terengganu, dan Norfaizura Azura

“ Mereka menjadi mangsa permainan halus yang mereka tidak fikir membawa mudarat ”

Md Lias, 28, dari Pulau Pangkor, Perak. Kedua-dua mereka mendakwa dibawa ke Sepanyol, sebelum ditahan di Malta sejak Mac lalu kerana dikatakan dipaksa menjadi penghantar dadah.

Difahamkan, hampir 20 rakyat Malaysia, khususnya wanita ditahan di Sepanyol berhubung kes dadah sejak tahun lalu. Bagaimanapun mereka agak bernasib baik kerana hukuman bagi kes dadah di Sepanyol tidak seberat di beberapa negara lain.

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri